


**GUA TELUK KELAWAR** Perak

Banyak artefak ditemui di gua ini iaitu alat batu unifas dan bifas serta sisa makanan seperti siput sedut sungai Brotia Costula dan Brotia Spinosa.

Manakala bukti fauna lain ditemui seperti babi hutan, kijang, pelanduk dan rusa.

Satu rangka manusia bertarikh sekitar **8,000**

**tahun** turut ditemui di gua ini.

Rangka ini menunjukkan kewujudan zaman Paleolitik di Malaysia berterusan sehingga awal Holosen.

Gua Teluk Kelawar turut mendedahkan bentuk pelindung batuan yang sering ditemui di formasi batu kapur Malaysia.

**GUA HARIMAU** Perak

Gua ini mendedahkan bukti pengebumian pada zaman Neolitik-Logam.

Sebelas rangka ditemui di gua ini bersama artefak seperti alat pengebumian tembikar, alat batu, pemukul kulit kayu, sisa makanan, kapak

gangsa dan barang kemas seperti rantai siput, gelang batu serta anting-anting siput.

Penemuan alat gangsa dan acuannya adalah antara kewujudan terawal sekitar **4,000 tahun** lalu.

**GUA KAJANG** Perak

Gua pertama di Malaysia yang dilakukan proses ekskavasi pada 1917.

Kajian dilakukan Universiti Sains Malaysia (USM) menemui bukti, Gua Kajang digunakan sejak **11,000 hingga 5,000** tahun dahulu.

Gua ini mendedah-

kan ia dihuni dan dijadikan kawasan pengebumian memabitkan dua budaya iaitu Paleolitik serta Neolitik.

Gua Kajang turut mendedahkan formasi gua yang menarik, berbentuk terowong dan banyak stalaktit serta stalagmit.

# BONGKAR RA

Gua umpama 'makmal' penyelidikan pakar arkeologi tempatan dan antarabangsa untuk membongkar rahsia purba yang tersimpan di dalamnya.



Pelbagai khazanah berharga turut ditemui di gua, sekali gus memberikan jawapan bahawa gua, terutama gua batu kapur, adalah tempat tinggal masyarakat purba.

Sebahagian gua di Malaysia mendapat

pengiktirafan Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

Contoh, Gua Teluk Kelawar, Gua Harimau, Gua Kajang, Gua Gunung Runtuh dan Gua Ngaum.

Infografik minggu ini berkongsi 19 gua di Malaysia yang turut menjadi tarikan pelancongan.



## GUA CHIKU 2 Kelantan

12




Gua ini mempunyai tujuh tingkat yang menyimpan pelbagai keunikan dan khazanah alam semula jadi.

Struktur batu gua ini

cantik yang sebahagiannya menyerupai bentuk gajah, ikan, katak, ular, cicak, buaya dan air terjun tujuh tingkat.

## GUA IKAN Kelantan

13



Sejarah nama gua ini adalah berdasarkan rupa bentuk Gua Ikan kelihatan seperti ikan.


**Gua berusia 150 juta tahun ini berkeluasan 1.5 hektar.** Ia kaya dengan sumber

mineral stalagmit dan stalaktit semula jadi, malah masih aktif hingga kini.

Stalagmit dan stalaktit akan bersinar apabila disuluh.

## GUA BUAYA Pulau Langkawi

14



Ada mitos mengatakan gua ini menjadi habitat buaya.

Ada pihak berpendapat, nama itu diberi kerana bentuk gua

menyerupai reptilia berkenaan.

Keindahan gua terserlah dengan keunikan batuan stalaktit dan stalagmit.

METRO AHAD

04/07/2021

M/S

GUA NGAUM Perak

2021 28

## GUA GUNUNG RUNTUH Perak

4



Gua ini diekskavasi kali pertama pada 1990 oleh sekumpulan penyelidik dari USM.

Ekskavasi itu meletakkan zaman prasejarah Malaysia dalam peta arkeologi dunia melalui

penemuan rangka Perak Man iaitu rangka manusia tertua paling lengkap ditemui di Asia Tenggara.

Perak Man adalah manusia yang hidup pada zaman Paleolitik.

5



Eskavasi menunjukkan gua ini digunakan sekitar **7,000 hingga ke 6,000 tahun lalu**.

Antara bahan arkeologi ditemui di gua ini ialah sisa makanan, alat batu dan pecahan tembikar.


Nama 'ngaum' diberikan berdasarkan peristiwa seekor harimau keluar dari pintu gua dan mengaum ketika kali pertama gua ini ditemui pada 1990.

# HSIA PURBA



## GUA SIREH Kedah

15



Dahulu gua ini menjadi tempat penduduk setempat mencari rezeki melalui tahi kelawar yang dijual dan dijadikan baja.

Kini ia menjadi tempat tarikan pelancongan yang menarik di Baling kerana keunikan batu

besar setinggi tujuh meter berbentuk sirih junjung dalam gua berkenaan.

Selain itu, terdapat batu menyerupai belalai gajah dan beberapa bahagian dinding gua menyerupai muka singa sedang bertapa.

## GUA KELAM Perlis

16



Gua ini terkenal dengan penemuan bijih timah yang dilombong dalam gua itu dahulu.

Nama Gua Kalam diberikan kerana keadaan gua itu yang gelap dan pelombong terpaksa menggunakan lampu karbid untuk

menerangi kawasan gua.

Gua Kalam antara gua batu kapur tercantik di Malaysia. Ia mempunyai terowong sepanjang **370 meter** dan terletak berhampiran pekan Kaki Bukit, kira-kira 33 kilometer di utara Kangar.



WARTAWAN  
**NOR'ASYIKIN MAT HAYIN**  
asyikin.mat@hmetro.com.my



GRAFIK  
**FAHMY HASHIM**  
m.fahmy@mediaprima.com.my

**GUA PUTERI** Perak



Keunikan gua ini kerana ia mempunyai pelbagai bentuk stalaktit dan stalagmit yang menarik seperti bentuk peta Malaysia, katak, batuan menyerupai pasangan bersanding, kepala gajah dan sebagainya.

Kewujudan stalaktit dan stalagmit di gua itu dikaitkan dengan kisah legenda iaitu pasangan pengantin yang juga penjaga gua disumpah oleh Sang Kelembai.

**GUA TAMBUN** Perak



Terdapat lukisan purba zaman Neolitik berusia **3,000 tahun** dalam gua ini yang menggambarkan aktiviti pemburuan haiwan menggunakan lembing.

Lukisan ini dilukis oleh masyarakat prasejarah menggunakan bahan berwarna merah iaitu haemetite.

**GUA GOMANTONG** Sabah



**Gua ini ditemui pada 1782, ia berkeluasan 3,297 hektar.**

Gua Gomantong dilindungi Jabatan Perhutanan Sabah kerana kaya dengan penghasilan semula jadi sarang burung layang-layang bermutu

tinggi yang mendapat permintaan tinggi masyarakat antarabangsa.

Di lantai gua ini terdapat banyak lipas dan ada mengatakan lipas dalam gua ini adalah yang paling banyak di dunia.

**GUA MERAPOH** Pahang




Gua ini dikatakan mempunyai **150 pintu, tetapi hanya 12 pintu dibuka kepada umum.**

Keunikan paling menarik pada gua ini ialah lukisan orang lidi dan bintang yang

menghiasi dindingnya.

Penemuan ini menunjukkan Gua Merapoh pernah menjadi tempat tinggal manusia zaman prasejarah.

**GUA TAHI BINTANG** Pahang



Dinamakan Gua Tahi Bintang kerana terdapat satu dinding yang menyerupai gugusan tahi bintang jatuh ke bumi.

Kajian terbaharu Jabatan Mineral dan

Geosains Pahang di Gua Tahi Bintang mendapati, terdapat sumber batuan dolomit yang mengandungi magnesium di gua berkenaan.

**GUA NIAH** Sarawak



Berdasarkan sejarah, gua ini menjadi tempat penempatan manusia purba pada **45,000 tahun lalu.**

Ini berikutan penemuan **rangka manusia yang berusia**

**35,000 tahun pada 1958.**

Penemuan cengkerang dalam gua itu menunjukkan masyarakat purba turut memakan makanan laut.

## GUA WANG BURMA Perlis

17



Nama gua ini berasal daripada perkataan Siam yang membawa erti lembah.


Manakala 'Burma' pula kerana orang Burma adalah penduduk asal yang membuka penempatan di kawasan lembah itu.

Gua ini ada dua pintu masuk utama iaitu Pintu Gua Wang Burma 1 dan Pintu Gua Wang Burma 2.

Gua Wang Burma mempunyai laluan yang unik dan terdapat batu kapur stalagtit dan stalagmit berusia sekitar **500 juta tahun**.

## GUA MALOI Negeri Sembilan

18



Gua ini sering menjadi tumpuan kalangan peminat aktiviti sukan lasak yang gemarkan cabaran merentas laluan sempit di celahan batu.


Gua batu granit sepanjang 2.3 kilometer dianggap

terpanjang di Malaysia. Gua Maloi terbentuk daripada susunan batu granit yang terdapat laluan di celahan batu itu.

Sebanyak 80 peratus laluan ini adalah kawasan berair.

## GUA BATU CAVES Selangor

19



Selain sebagai lokasi upacara keagamaan, gua Batu Caves juga antara tarikan pelancongan di Selangor.

Pengunjung perlu mendaki **273 anak tangga** yang curam untuk sampai ke gua berkenaan.